

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
JAWAPAN OLEH YB DATUK SERI DR. S. SUBRAMANIAM
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB TUAN AHMAD MARZUK BIN SHAARY
[BACHOK]
TARIKH : 9 NOVEMBER 2016
SOALAN :

YB Tuan Ahmad Marzuk bin Shaary [Bachok] minta MENTERI KESIHATAN menyatakan kawasan Parlimen yang masih belum mempunyai hospital. Apakah kawasan parlimen pembangkang didiskriminasi daripada keutamaan kemudahan hospital. Nyatakan status kemajuan pembinaan Hospital Bachok.

Tuan Yang di-Pertua,

Perancangan bagi pembinaan hospital adalah berdasarkan faktor-faktor keperluan kesihatan penduduk, kepadatan, akses atau kemudahan capaian terhadap perkhidmatan yang disediakan. Ianya juga tertakluk kepada keupayaan sumber-sumber yang boleh disediakan oleh Kerajaan seperti kewangan dan anggota kesihatan. Oleh itu, Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) tidak berhasrat untuk menyediakan kemudahan hospital berdasarkan kawasan Parlimen sebaliknya memberi lebih perhatian kepada perancangan mengikut daerah dengan mengambil kira jumlah dan kepadatan penduduk untuk memastikan keberkesanan kos. Jadi di dalam ini tidak timbul diskriminasi terhadap mana-mana kawasan.

Untuk makluman, bagi Negeri Kelantan yang mempunyai sepuluh (10) daerah, kesemuanya telah mempunyai sekurang-kurangnya sebuah hospital kerajaan manakala satu daerah lagi iaitu Bachok, ianya di peringkat awal pembinaan. Daerah Kota Bharu terbahagi kepada empat (4) kawasan Parlimen iaitu Kota Bharu, Pengkalan Chepa, Ketereh dan Kubang Kerian telah mempunyai dua (2) buah hospital utama iaitu Hospital Raja Perempuan Zainab II dan Hospital Pengajar USM.

Manakala dua (2) kawasan Parlimen bagi Daerah Pasir Mas telah pun disediakan sebuah hospital.

Pembangunan Hospital Bachok (76 katil) telah diluluskan di dalam RMK-10. Kaedah pelaksanaannya adalah secara konvensional dimana rekabentuk perlu disiapkan sepenuhnya sebelum ditender. Pada masa ini status projek pembinaan Hospital Bachok adalah fasa pembinaan dimana tarikh milik tapak adalah pada 27 hb September 2016. Tempoh pembinaan dijangka mengambil masa selama tiga (3) tahun dan tarikh jangkaan siap adalah pada 23hb september 2019.

Tuan Yang di-Pertua,

Cadangan pembinaan dan lokasi sesuatu hospital adalah berdasarkan Pelan Induk Perancangan KKM mengikut keperluan dan unjuran populasi penduduk.

Pelaksanaan Hospital Bachok dengan kapasiti 76 katil sedang dilaksanakan mengikut perancangan seperti yang dijadualkan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) dan Jabatan Kerja Raya (JKR) sebagai agensi pelaksana.

Untuk makluman, Surat Setuju Terima telah dikeluarkan kepada kontraktor yang berjaya pada 13 September 2016. Kerja-kerja pembinaan Hospital Bachok akan mengambil masa selama 36 bulan dan projek ini akan disiapkan pada 23 September 2016.